

Mahathir: Kelas manipulatif bukan masa main

PEMBELAJARAN di kelas kemahiran manipulatif dan amalan perdagangan tidak boleh dianggap sebagai 'waktu bermain' bagi murid-murid tetapi membabitkan kemahiran tangan dan pemikiran yang tajam.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun cara pembelajarannya lebih bercorak permainan dan mengcembirakan, matlamatnya adalah lebih daripada itu.

"Permainan hanya untuk menarik minat mereka sahaja tetapi matlamat kelas itu adalah mengajar murid asas-asas kemahiran dan perdagangan jual-beli dalam kehidupan seharian," tegasnya.

Perdana Menteri mengingatkan demikian kepada para pegawai Kementerian Pelajaran termasuk Penolong Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum, Puan Nik Faizah Nik Mustafa selepas melawat kira-kira sejam ke kelas manipulatif dan amalan perdagangan di Sekolah Kendah Kebangsaan Jalan Peel dan Sctapak di sini, hari ini.

Kelas itu bertujuan melahirkan satu masyarakat yang faham hal-hal mudah dan jentera mudah dengan menggunakan kemahiran

KUALA LUMPUR, Jumaat

tangan masih di peringkat percubaan dan dimulakan bagi murid darjah satu kira-kira dua bulan lalu. Rancangan itu juga diadakan di sekolah menengah.

Sebanyak 74 sekolah rendah seluruh negara dipilih menyertai kelas percubaan itu. Mereka mendapat peruntukan \$2,000 dari Kementerian Pelajaran untuk menyediakan bahan-bahan yang diperlukan.

Sertai

Sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak pula menerima peruntukan \$2,800.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun berpuas hati dengan pencapaian kelas itu dan berkata, ia hendaklah menekankan kepada pembinaan pengetahuan kemahiran di kalangan murid-murid dalam cara mudah dan menggembarakan supaya mereka tidak bosan.

"Pengetahuan mengenai asas-asas kemahiran seperti mengenal bahan, menyesuaikan bentuk bahan yang hendak dipasang dan cara-cara memasangnya adalah juga penting," ujar Perdana Menteri.

Oleh itu, beliau menambah, ia perlu disampaikan secara lebih berkesan, bukan disifatkan sebagai permainan semata-mata.

Mengenai kelas amalan perdagangan yang membabitkan mata-pelajaran jual-beli, beliau berkata murid-murid tidak sepatutnya diajar cara-cara membeli sahaja.

"Tumpuan juga hendaklah diberikan kepada cara-cara menjual, bagaimana hendak menarik minat pembeli, pengiraan wang terutama ketika mengembalikan wang kepada pembeli dan lain-lain yang bersangkutan dengan penjualan, tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir seterusnya menyentuh latihan kepada guru-guru yang terabit dengan rancangan kelas itu.

Katanya, kursus latihan yang lebih mendalam perlu diberikan kepada lebih ramai guru bagi menghadapi tahun pelaksanaan rancangan itu pada 1986 kelak.

Turut sama dalam lawatan itu ialah Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Pengarah Tan Sri Murad Mohd Noor, Ketua Pengarah Bahagian Sekolah-sekolah Datuk Idris Tain, Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan Datuk Hussein Ahmad dan lain-lain pegawai kanan Kementerian Pelajaran.